



KETUA SETIAUSAHA
(SECRETARY GENERAL)
KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH
(MINISTRY OF RURAL AND REGIONAL DEVELOPMENT)
ARAS 9, BLOK D9, PARCEL D
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62606 PUTRAJAYA, MALAYSIA

Tel : 03-8886 3501
Fax : 03-8889 2104
Web : <http://www.rurallink.gov.my>

Rujukan : KKLW.SM.100-4/3 (18)

Tarikh : 14 Februari 2006

Ketua-ketua Jabatan/Agensi
Ketua-ketua Bahagian
Ketua-ketua Unit
Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

**SURAT PEKELILING KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH
BIL. 3 TAHUN 2006**

MENINGKATKAN TAHAP DISIPLIN PEGAWAI AWAM

Dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan kepada perkara di atas.

2. Mengikut Peraturan 4, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, menghendaki semua pegawai awam mematuhi 11 senarai tatakelakuan yang telah ditetapkan. Antaranya menjalankan tugas dengan penuh bertanggungjawab, jujur, amanah, tidak membelakangkan tugas awam demi kepentingan peribadi, tidak

ingkar perintah. Manakala Peraturan 3 C pula menegaskan supaya mereka yang menjalankan kawalan dan pengawasan tatatertib ke atas pegawai bawahannya hendaklah mengambil tindakan yang sesuai dengan seberapa segera yang mungkin atas apa-apa pelanggaran kepada peruntukan peraturan tersebut.

3. Berdasarkan pemantauan JPA, yang telah disampaikan ke Kementerian menyatakan tahap disiplin pegawai awam perlu dipertingkatkan lagi bagi mengatasi beberapa masalah disiplin yang dilakukan. Antara yang sering diperhatikan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam adalah seperti berikut:

- 3.1 Pegawai sukar ditemui kerana keluar minum terlalu lama;
- 3.2 Surat-surat permohonan tidak dijawab atau lambat dijawab;
- 3.3 Layanan yang tidak mesra;
- 3.4 Pegawai datang lambat ke pejabat atau balik awal dari pejabat;
- 3.5 Pegawai masih duduk di kantin selepas waktu pejabat bermula;
- 3.6 Pegawai tidak mematuhi etika pakaian ketika bertugas; dan
- 3.7 Pegawai ponteng kerja selepas mengetik kad perakam waktu untuk melakukan tugas peribadinya.

4. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam telah memberi ingatan sekiranya masalah disiplin ini tidak dibendung ia akan memberi kesan kepada imej perkhidmatan awam keseluruhannya dan tidak seiring dengan hasrat Kerajaan untuk meningkatkan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan awam serta usaha-usaha penambahbaikan yang lain yang dilakukan untuk menjadi perkhidmatan awam yang terbilang.

5. Sehubungan itu, semua Ketua Jabatan/Agensi/Bahagian/Unit setiap Agensi di Kementerian adalah diminta memberi kerjasama yang sewajarnya bagi memastikan peraturan-peraturan disiplin yang sedang berkuatkuasa difahami, dipatuhi dan dihayati oleh setiap pegawai.

Sekian, terima kasih

A handwritten signature in black ink, consisting of a stylized 'S' shape followed by a horizontal line and a small flourish.

DATO' DR. MOHD TAP BIN SALLEH